

BERITA HARIAN, SEBASA, 22 JULAI, 1980



DR MAHATHIR

Permodalan Nasional akan perkenal sistem 'passbook' — Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin
— Permodalan Nasional Berhad (PNB) merancang untuk memperkenalkan sistem buku bagi pembelian dan penjualan unit-unit apabila ia melancarkan Unit Saham Bumiputera tidak lama lagi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini sistem buku itu (passbook) akan berjalan mengikut cara-cara sistem simpanan wang di pejabat-pejabat pos. Dalam temuramah dengan Business Times, beliau membayangkan syarikat unit saham itu mungkin menggunakan perkhidmatan pejabat-pejabat pos.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera berkata, unit tersebut akan menawarkan beberapa kemudahan besar termasuk dividen yang ditentukan dan pengeluaran-pengeluaran bonus.

Beliau menambah, sistem buku itu akan membolehkan sebahagian besar Bumiputera memasuki skim tersebut.

Penggunaan sistem buku itu juga adalah untuk membolehkan Bumiputera berpendapatan rendah menanam modal secara sedikit demi sedikit tanpa pergi ke syarikat unit saham itu.

Katanya, usaha di belakang rancangan ini ialah untuk menentukan peluang untuk mengambil bahagian di dalam unit saham diberikan sama rata.